

**NOTIS BIDAAN PENJANAAN**

**TARIKH** : 19 DISEMBER 2022  
**NO. BIDAAN PENJANAAN** : UKM.AKA.400-5/1/34  
**TAJUK BIDAAN** : BIDAAN PENJANAAN BAGI MENJALANKAN DAN MENGURUSKAN PERKHIDMATAN KAFETERIA DI BANGUNAN PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK LINGKUNGAN 1 DAN 2, UKM BANGI.

Bidaan Penjanaan adalah dipelawa kepada **Syarikat berkelayakan** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam pengkhususan yang berkaitan memberi tawaran kerja berikut:

SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN BIDAAN PENJANAAN	TARIKH BUKA BIDAAN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP BIDAAN
Kod bidang <b>040102</b> - Makanan dan Minuman (tin,botol dan bungkus) / <b>040103</b> - Makanan Bermasak (Islam)	<b>RM30.00 senaskah</b>  Dijual dalam bentuk salinan lembut	19 Disember 2022 (Isnin)	27 Disember 2022 (Selasa) 10.00 pagi  Berkumpul di tapak pertama iaitu di <b>Kafeteria Pusat Pengurusan Akademik Lingkungan 1</b> . Setelah selesai taklimat di lokasi pertama, akan bergerak ke <b>Kafeteria Pusat Pengurusan Akademik Lingkungan 2</b> .	3 Januari 2022 (Selasa) 12.00 tengahari

Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan perlu dihadiri oleh **PEMILIK SYARIKAT ATAU WAKIL**. Untuk maksud ini, sila bawa **dokumen asal dan satu (1) salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat dan dokumen pengenalan diri** semasa menghadiri lawatan tapak.

3. Pembida hendaklah membawa sijil asal **Perakuan Pendaftaran Syarikat**, dan **satu salinan** bagi setiap sijil tersebut semasa mendapatkan dokumen Bidaan Penjanaan. Jika tidak dapat hadir sendiri, wakil syarikat hendaklah membawa surat pengesahan sebagai wakil yang ditauliahkan.

4. Tempoh sahlaku Bidaan Penjanaan adalah selama sembilan puluh (90 hari) selepas tarikh tutup bidaan tersebut. Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian.

5. Dokumen Bidaan Penjanaan yang sempurna diisi termasuk segala dokumen yang diperlukan (jika berkenaan) hendaklah diserahkan secara **salinan keras (hardcopy)** dan **salinan lembut (soft copy)** melalui serahan pemacu pen (**pendrive**) ke:

**Pejabat Pusat Pengurusan Penjanaan UKM (JANA@UKM),  
 Aras 2, Bangunan Pentadbiran Kolej Keris Mas, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
 43600 UKM Bangi, Selangor**

6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai notis ini boleh hubungi Pn. Mas Nurul Amirah Abdul Malek / Pn. Nor Hidayah Binti Mohd Senin di alamat e-mel: [mnamirah@ukm.edu.my](mailto:mnamirah@ukm.edu.my) / [hidayah.senin@ukm.edu.my](mailto:hidayah.senin@ukm.edu.my)

Sekian, terima kasih.

**BASIR BAHIR**

Ketua Pentadbiran  
 Pusat Pengurusan Akademik